



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN /
ONLINE**

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS : DSM1043
PEPERIKSAAN : JUN 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **14** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

BAHAGIAN A

Bahagian ini mempunyai **DUA PULUH SOALAN (20)**.

Jawab semua soalan di dalam kertas jawapan.

1. Ekonomi mengkaji bagaimana manusia menggunakan sumber ekonomi yang
 - A terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad.
 - B tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang terhad.
 - C terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.
 - D tidak terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.

2.

“Keluk Kemungkinan Pengeluaran boleh beralih ke luar disebabkan oleh beberapa faktor contohnya perkembangan ekonomi di sesebuah negara”

Penyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1 di atas, apakah faktor lain yang boleh menyebabkan peralihan Keluk Kemungkinan Pengeluaran ke luar?

- A Kestabilan harga
 - B Peningkatan dalam kos pengeluaran.
 - C Peningkatan jumlah bahan mentah.
 - D Pengurangan kemasukan buruh asing.
3. Keputusan ekonomi bagi sistem ekonomi Islam bergantung kepada
 - A mekanisme harga.
 - B kepentingan peribadi
 - C prinsip- prinsip syariah.
 - D sektor swasta dan kerajaan yang menjalankan aktiviti ekonomi.

4. Apabila harga bagi barang normal jatuh, kuantiti permintaan bagi barang tersebut akan
- A menurun.
 - B meningkat.
 - C tidak berubah.
 - D tidak dapat dikenalpasti.
5. Keluk permintaan bagi gula putih akan beralih ke kiri disebabkan oleh.
- A pertambahan jumlah pembekal.
 - B kejatuhan di dalam harga gula putih.
 - C peningkatan di dalam pendapatan pengguna.
 - D perubahan di dalam citarasa pengguna yang memilih gula perang berbanding gula putih.
6. Manakah antara berikut merupakan faktor yang menyebabkan pergerakan di sepanjang keluk penawaran?
- A Kenaikan harga barang itu sendiri.
 - B Pengurangan subsidi daripada kerajaan.
 - C Pertambahan di dalam jumlah pengeluaran.
 - D Pertambahan cukai yang dikenakan kerajaan.
7. Pengguna tetap membeli ubat insulin walaupun harga ubat insulin meningkat 10 kali ganda. Berapakah keanjalan permintaan harga bagi ubat insulin?
- A 0
 - B -1
 - C 45
 - D 0.46

8. Apakah yang dimaksudkan dengan harga lantai?
- A Harga yang ditetapkan oleh kerajaan sama dengan harga keseimbangan pasaran.
 - B Harga yang ditetapkan oleh kerajaan lebih rendah daripada harga keseimbangan pasaran.
 - C Harga yang ditetapkan oleh kerajaan lebih tinggi daripada harga keseimbangan pasaran.
 - D Harga yang ditetapkan adalah bergantung kepada permintaan dan penawaran barangan di dalam pasaran.
9. Jika permintaan bagi ayam melebihi penawaran ayam di pasaran maka akan berlakunya keadaan
- A lebihan permintaan.
 - B lebihan penawaran.
 - C tidak berlaku perubahan pada harga ayam.
 - D harga dedak makanan ayam akan meningkat.
10. Pengguna akan membayar beban cukai lebih tinggi apabila
- A keluk penawaran anjal sempurna.
 - B keluk permintaan anjal sempurna.
 - C keluk permintaan lebih anjal berbanding keluk penawaran.
 - D keluk penawaran lebih anjal berbanding keluk permintaan.
11. Jika harga sesuatu barangan terletak dibawah keseimbangan pasaran, akan berlakunya masalah _____ dan harga akan _____ kepada harga keseimbangan.
- A lebihan penawaran; menurun
 - B lebihan permintaan; menurun
 - C lebihan penawaran; meningkat
 - D lebihan permintaan; meningkat

12. Sektor ekonomi yang manakah akan mengutip cukai dan menggunakan hasil tersebut untuk pembangunan dan tujuan operasi seperti aktiviti kebajikan, penyediaan kemudahan awam, pertahanan, pendidikan dan lain-lain?
- A Firma.
 - B Kerajaan.
 - C Isi rumah.
 - D Sektor antarabangsa.
13. Jumlah nilai barang akhir dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam negara tanpa mengambil kira sama ada faktor pengeluaran milik warga negara atau bukan warganegara dikenali sebagai
- A keluaran negara kasar.
 - B pendapatan boleh guna.
 - C pendapatan persendirian.
 - D keluaran dalam negara kasar.

14.

“Apabila data pendapatan negara menunjukkan kemerosotan ekonomi, maka penggubal polisi akan mencadangkan pelaksanaan dasar fiskal mengembang.”

Penyataan 2

Berdasarkan pernyataan 2 diatas, data pendapatan negara boleh digunakan untuk tujuan

- A insuran.
- B perbandingan antarabangsa
- C asas membuat perancangan ekonomi.
- D pengukur sumbangan keluaran pelbagai sektor ekonomi.

15. Mengapakah wang kertas lebih sesuai digunakan dalam sebarang urusan transaksi kewangan berbanding wang logam?
- A Tahan lama.
 - B Disukai ramai.
 - C Lebih bernilai.
 - D Mudah dibawa.
16. Antara yang berikut, yang manakah merupakan contoh wang hampir?
- A Mastercard.
 - B Wang kertas.
 - C Wang syiling.
 - D Deposit bank.
17. Jika wang syiling bernilai positif, maka
- A wang syiling tidak berubah.
 - B tiada perubahan dalam nilai wang.
 - C wang fiat lebih kecil berbanding wang kertas.
 - D wang fiat lebih besar berbanding wang kertas.
18. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan faktor yang menyebabkan berlakunya perdagangan antarabangsa?
- A Iklim yang berbeza
 - B Tanah yang berbeza.
 - C Sekatan perdagangan.
 - D Kemahiran buruh yang berbeza
19. Perdagangan antarabangsa secara teori merujuk kepada aktiviti kerajaan dan individu mengenai _____ modal, barang dan perkhidmatan merentasi sempadan atau wilayah antarabangsa.
- A pertukaran
 - B penawaran
 - C permintaan
 - D penyimpanan

20.

“Cukai import kereta ialah 20% bermakna cukai yang perlu dibayar ialah 20% daripada harga kereta itu.”

Penyataan 3

Berdasarkan pernyataan 3 diatas, apakah jenis tarif yang telah dilaksanakan?

- A Kuota.
- B Tarif spesifik.
- C Subsidi eksport.
- D Tarif ad-valorem

[40 MARKAH]


BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Rajah 1 di bawah menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran bagi negara M yang menghasilkan buku dan kasut.



Rajah 1

- Apakah yang dimaksudkan dengan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP)?
(2 markah)
- Apakah kos lepas yang dihadapi oleh negara M? Huraikan jawapan anda?
(3 markah)
- Terangkan **dua (2)** faktor yang boleh menyebabkan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) beralih ke dalam
(2 markah)

d. Kenal pasti titik- titik ini mengambarkan berkenaan:

i) Titik X.

ii) Titik Y.

(2 markah)

e. Lakarkan kesan ke atas Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) untuk barang buku dan kasut apabila berlaku perubahan pada

i) Sekatan kerajaan bagi kemasukan buruh ke dalam sektor pengeluaran kasut.

(3 markah)

ii) Kemasukan teknologi baru dalam pengeluaran buku dari luar negara.

(3 markah)

SOALAN 2

Jadual di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan penawaran topeng muka di Bandar Takzim.

Harga (RM per unit)	Kuantiti penawaran (unit)	Kuantiti permintaan (unit)
1.20	17,000	25,000
1.40	18,500	24,000
1.60	19,900	23,000
1.80	22,000	22,000
2.00	22,500	21,000
2.20	23,000	20,000
2.40	24,500	19,000

Jadual 1

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran?
(2 markah)
- b. Tentukan keseimbangan harga dan kuantiti bagi topeng muka di Bandar Takzim.
(2 markah)
- c. Kerajaan telah menjalankan dasar kawalan harga bagi topeng muka dan menetapkan harga topeng perlu dijual pada RM 1.40;
- Terangkan apakah jenis kawalan harga yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.
(1 markah)
 - Tentukan sama ada berlakunya lebihan permintaan atau penawaran.
(1 markah)

- iii. Nyatakan **dua (2)** kebaikan dasar harga yang telah dilaksanakan.
(1 markah)
- d. Berdasarkan situasi berikut lakarkan kesan yang akan berlaku ke atas keluk keseimbangan pasaran sekiranya;
- i. Kerajaan memberikan subsidi kepada pengeluaran topeng muka.
(3 markah)
- ii. Tentukan faktor lain yang membolehkan keseimbangan pasaran berubah seperti jawapan d(i).
(1 markah)
- e. Berdasarkan situasi berikut lakarkan kesan yang akan berlaku ke atas keluk keseimbangan pasaran sekiranya;
- i. Perubahan citarasa penduduk daripada memakai topeng muka kepada memakai pelindung muka.
(3 markah)
- ii. Nyatakan faktor lain yang membolehkan keseimbangan pasaran berubah seperti jawapan e(i).
(1 markah)

SOALAN 3

- a. i. Huraikan peranan dan juga imbuhan yang diperoleh oleh isi rumah dalam aliran sektor ekonomi. (2 markah)
- ii. Terangkan **dua (2)** kegunaan data pendapatan negara. (2 markah)
- iii. Jelaskan perbezaan antara harga pasaran dan kos faktor. (2 markah)
- b. Nyatakan **tiga (3)** sektor yang memberikan sumbangan dalam ekonomi. (3 markah)
- c. Huraikan konsep pendapatan boleh guna. (3 markah)
- d. Huraikan berserta contoh sebab berlakunya masalah pengiraan dua kali dalam pengiraan pendapatan negara. (3 markah)

SOALAN 4

- a. Huraikan dengan contoh yang sesuai sebab-sebab sistem barter tidak lagi digunakan di dalam sistem pembayaran di dunia.

(3 markah)

- b. Data kewangan negara B adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	11,200
Wang fiat	12,500
Sijil-sijil boleh runding	1,300
Sijil-sijil bank negara	850
Deposit tetap dan deposit simpanan bank komersial	13,250
Deposit semasa di bank komersial	9,760
Deposit tetap dan deposit simpanan di lain-lain institusi	19,900
Kewangan	

Jadual 2

Berdasarkan jadual 2 di atas, kirakan;

- i. M1

(2 markah)

- ii. M2

(2 markah)

- iii. M3

(2 markah)

- c. Nyatakan **dua (2)** fungsi penting sesebuah bank pusat.

(2 markah)

d.

“Ahmad telah ditawarkan satu unit perumahan mampu milik daripada kerajaan negeri. Pihak kerajaan negeri telah meminta Ahmad untuk menguruskan pinjaman perumahan bagi kediaman tersebut.”

Penyataan 4

Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan berserta contoh institusi kewangan yang perlu dituju oleh Ahmad bagi mendapatkan pinjaman perumahan tersebut.

(2 markah)

[60 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**